

14 JUN 2000

PERSIDANGAN TAHUNAN MAJLIS HAKIM-HAKIM MALAYSIA DI KUANTAN

KUANTAN, 14 Jun (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tun Mohd Eusoff Chin tiba di sini hari ini untuk menghadiri Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia yang akan berlangsung selama dua hari mulai esok.

Persidangan yang diadakan setiap tahun itu, buat kali pertama berlangsung di Kuantan.

Bagaimanapun, beliau yang ditemui pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah di sini, enggan menjawab sebarang pertanyaan yang dikemukakan.

"Tiada ulasan .... tiada apa yang hendak dikatakan." katanya yang dikawal anggota polis semasa menuju ke kenderaannya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penubuhan sebuah tribunal untuk menyiasat kes Mohd Eusoff tidak perlu dan berpendapat ada agenda politik di sebalik cadangan itu.

Dr Mahathir mengulas cadangan Majlis Peguam Sabtu lepas untuk mengadakan mesyuarat bagi mengundi cadangan supaya ditubuhkan sebuah tribunal untuk menyiasat dakwaan terhadap Mohd Eusoff berhubung kontroversi percutiannya di New Zealand pada tahun 1994.

-- BERNAMA

ROS RI